

Malaysia sedia sokong negara membangun tentang dasar perlindungan

UM 14 OCT 1982

SUVA (Fiji) 13 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini menegaskan kesediaan Malaysia memberi sokongannya kepada negara-negara membangun di rantau ini menentang dasar perlindungan dagangan Australia.

Perdana Menteri berkata: "Saya memahami keperluan negara-negara kecil tetapi negara-negara besar dan gagah harus membuka pasaran mereka dan ini bererti mereka jangan terlalu mengamalkan dasar perlindungan."

Bercakap kepada para pemberita setibanya di sini untuk menghadiri sidang ketua-ketua Kerajaan Komanwel rantau Asia Pasifik yang akan bermula esok beliau menjelaskan bahawa Malaysia tidak menghadapi masalah perdagangan dengan New Zealand.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi seruannya kepada negara-negara kaya seperti Australia supaya membuka peluang perdagangan dengan negara-negara membangun.

Beliau menarik perhatian: "Saya telah pun berbincang dengan Australia dan saya bersedia memberi sokongan kepada mana-mana negara lain yang menghadapi

Dari Abdullah Hassan
KETUA PENYUNTING UTUSAN MALAYSIA.

vensyen undang-undang laut.

Beliau mensifatkan sebagai tidak adil negara-negara berkenaan bersikap sedemikian dan mendapat faedah maksima untuk negara mereka sendiri sahaja.

Setakat ini, Amerika Syarikat adalah di antara negara maju yang belum mengesahkan konvensyen tersebut dan Setiausaha Agung Komanwel, Encik Sharidath Rampalh dalam sidang akhbar petang ini juga melahirkan harapan agar negara-negara Komanwel dapat memujuk Amerika supaya menandatangani konvensyen itu.

Menjawab satu pertanyaan kenapa beliau menghadiri sidang Komanwel kali ini memandangkan kenyataan yang pernah dibuatnya tahun lalu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya ingin menemui rakan-rakan lama saya dalam Komanwel. Terlalu ramai hadir di sidang penuh Komanwel dan sidang yang kecil seperti ini mempunyai banyak faedahnya."

Menurutnya, beliau datang dengan fikiran terbuka sambil menafikan yang beliau menganggap Komanwel tidak bererti.

Katanya, banyak negara kecil akan hadir dan suatu langkah bersama mungkin dapat diambil dan untuk itu beliau ingin tahu bagaimana Malaysia boleh berganding bahu dengan negara-negara membangun di rantau Pasifik.

Mengenai Kampuchea, Perdana Menteri berkata bahawa Malaysia akan mengambil peluang untuk mendapatkan lebih banyak sokongan untuk Kerajaan Campuran Kampuchea yang dipimpin oleh Putera Norodom Sihanouk dari sidang kemuncak ini.

"Ini adalah salah satu perkara yang akan Malaysia timbulkan dalam sidang kemuncak ini," tegasnya.

Menurutnya, Malaysia berpendirian sedemikian adalah kerana Malaysia merasa wajan kerajaan campuran itu wajar diberikan sokongan.

Adalah dipercayai, sekiranya Malaysia mengemukakan isu Kerajaan Campuran Kampuchea di persidangan ini, Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew akan memberi sokongan kuat kepada perkara tersebut.

Selain dari faktor Singapura berada di dalam ASEAN negara berkenaan juga telah mencurahkan usahanya bagi melihat ketiga pihak - Putera Norodom Sihanouk, Song Sann dan Khiew Samphan - menandatangani perjanjian penubuhan kerajaan campuran.

Mengenai Pakistan yang telah keluar dari Komanwel dalam tahun 1972, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia tidak menentang kemasukan semula negara itu ke dalam Komanwel.

Katanya, Malaysia tidak mempunyai bantahan sekiranya Pakistan hendak diterima semula menjadi anggota Komanwel dan sekiranya perkara kemasukan itu hendak dibincangkan dalam sidang kemuncak ini, Malaysia tidak keberatan membincangkannya.

Setiausaha Agung Komanwel Encik Sharidath Rampalh sebelum itu memberitahu persoalan kemasukan Pakistan tidak akan dibincangkan dalam sidang kemuncak esok kerana ianya tidak ada dalam agenda mesyuarat.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan perkara itu dibincangkan dalam rundingan tidak rasmi apabila ketua-ketua Kerajaan Komanwel rantau Asia

Pasifik berangkat ke Pasifik Harbour hujung minggu ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau juga membawa bersamanya beberapa orang ahli perniagaan untuk meninjau bidang-bidang yang boleh diadakan kerjasama dengan Fiji.

Menurutnya, usaha-usaha selanjutnya bergantung kepada ahli-ahli perniagaan itu untuk meninjau bidang-bidang kerjasama yang boleh diadakan.

Ahli-ahli perniagaan yang menganggotai rombongan Perdana Menteri ialah Encik Tan Koon Swan dari Multi Purpose, Datuk Khoo Kay Peng dari Malaysian United Industries, Datuk Salleh Yusof dari Perwira Habib Bank, Encik Hashim Shamsuddin, dari Bank Bumiputra, Encik Mohamad Abdullah dari MAA Holdings, Encik Robert Kuok dan Beau Kuok dari Kumpulan Kuok Group.